

BAB DUA

ANALISIS TEKS MANUSKRIP MSS 2502

2.1 PENDAHULUAN

Pemilihan manuskrip MSS 2502 ini adalah berdasarkan pemerhatian yang telah dijalankan dimana penulis mendapati kajian mengenai penyakit demam berdasarkan kewujudan pelbagai penyakit yang melibatkan demam sebagai salah satu dari simptom utama, antaranya seperti demam malaria, kepialu, demam denggi, chikungunya, influenza dan sebagainya. Faktor ini membawa penulis menjejak sumber berkaitan manuskrip ini yang mana penulis mendapatkan MSS 2502 dari Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) sebagai bahan utama kerana terdapatnya perbincangan kaedah rawatan bagi penyakit demam yang mana boleh dilihat sebagai salah satu kaedah alternatif di dalam merencatkan peningkatan suhu badan, sekaligus boleh membantu bertindak melawan sebarang jangkitan dan penyakit-penyakit yang lain.

Bab ini secara umumnya akan menjelaskan latar belakang manuskrip MSS 2502 berdasarkan maklumat dari kaedah transliterasi yang telah dijalankan disamping mengkaji latar struktur karya ini daripada aspek sejarah, deskripsi teks dan literasi teks. Skop perbincangan termasuk ciri-ciri penulisan manuskrip yang terdapat dalam kitab ini, analisa sistem ejaan jawi, memperihalkan perubahan dari segi mitos dan tahyul yang disebut dalam manuskrip, pembahagian huruf-huruf vokal serta ciri-ciri lain yang telah dipersembahkan di dalam penulisan manuskrip ini.

2.2 CORAK PERSEMBAHAN MANUSKRIP MSS 2502

Dengan merujuk kepada beberapa bentuk genre penulisan manuskrip perubatan ini, penulis melihat corak persembahannya adalah lebih menyamai penulisan bercorak petua dan azimat. Ini jelas dilihat pada bahagian penyampaian isi kandungannya yang hanya menyebut jenis penyakit dan kaedah rawatan sahaja. Selain itu genre penulisan manuskrip perubatan MSS 2502 ini tidaklah disusun seperti buku atau risalah perubatan moden kini yang lebih teratur dan sistematik yang mana terdapat bahagian pendahuluan dan penutup. Kandungan manuskrip MSS 2502 ini dilihat tiada bahagian pendahuluan dan diteruskan dengan kaedah rawatan penyakit/ubat “panau”. Namun, manuskrip ini tidak mencampur adukkan jenis penyakit dan ia membantu memudahkan penulis dalam membuat kajian. Misalnya, penulis manuskrip hanya akan membicarakan penyakit seterusnya seperti “demam” sekiranya penyakit sebelumnya “bau tubuhnya jahat atau hangat” sudah habis ditulis. Corak persembahannya dilihat lebih praktik digunakan dan mudah difahami.

a. Perihal Mengenai Biografi Penulis


Kebiasaannya pada bahagian pendahuluan penulisan manuskrip perubatan akan dinyatakan nama penulis, tarikh atau masa penulisan tersebut ditulis. Manuskrip MSS 2502 tidak dinyatakan perkara-perkara tersebut berkemungkinan atas sebab beberapa faktor. Ini mungkin kerana penulis pada zaman dahulu sangatlah *tawaddhu*’ sehinggakan tidak mahu dikenali. Atau mungkin juga helaian yang sebelumnya hilang kerana didapati pada muka surat pertama dan baris pertama manuskrip MSS 2502, tergantung ayatnya. Ada juga penulis yang hanya menyampaikan sesuatu ilmu sebagai tinggalan hasil turun-temurun kepada generasi anak cucu yang akan datang. Kebiasaannya, pada bahagian akhir

sesuatu karya penulisan manuskrip perubatan akan dinyatakan nama penulis atau nama penyalin.

b. Catatan Mengenai Penyakit

Jenis-jenis penyakit dan kekerapan catatan nama penyakit tersebut yang terkandung di dalam manuskrip MSS 2502 ini telah dipecahkan kepada beberapa bahagian penyakit, antaranya seperti berikut:

RAJAH 3: Kekerapan Catatan Penyakit Di Dalam Manuskrip MSS 2502



Sumber: Manuskrip MSS 2502

Rajah 3 di atas menunjukkan jenis-jenis penyakit dan bilangan catatan penyakit yang telah dicatatkan di dalam manuskrip MSS 2502. Rawatan penyakit paling maksimum yang dicatatkan adalah rawatan bagi penyakit kanak-kanak dan budak iaitu sebanyak 63 kali catatan yang mana kaedah dalam merawatnya adalah menggunakan jampi, azimat dan tangkal (boleh dirujuk dibahagian lampiran). Penyakit demam pula merupakan yang kedua terbanyak dicatatkan

iaitu sebanyak 52 kali catatan. Seterusnya diikuti oleh penyakit gila dan sembu 46 kali catatan, lain-lain jenis penyakit 44 kali catatan dan penyakit berkaitan perempuan, beranak dan selusuh yang mana catatannya adalah sebanyak 42 kali catatan. Selain itu, ubat sopak sebanyak 28 kali catatan, rawatan sarir perempuan sebanyak 20 kali catatan, penyakit sawan sebanyak 15 kali catatan, ubat penjagaan kesihatan tubuh badan sebanyak 14 kali catatan, penyakit meroyan sebanyak 13 kali catatan, rawatan bisa haiwan serta cara merawat penyakit dengan berbuat makjurn masing-masing sebanyak 12 kali catatan, racun atau bisa dalam tubuh sebanyak 11 kali catatan. Sementara itu, antara penyakit yang catatannya satu angka pula ialah penyakit tangan atau kidal iaitu sebanyak tujuh kali catatan, ubat panau sebanyak enam kali catatan, ubat hawas / haus sebanyak lima kali, ubat letih sebanyak empat kali catatan dan bagi penyakit mata pula sebanyak tiga kali catatan. Bagi rawatan penyakit berkaitan telinga dan ubat bentan adalah sama bilangan catatannya iaitu 2 kali catatan. Catatan bagi semua jenis penyakit tersebut boleh dilihat di bahagian lampiran kajian ini.

c. Unsur *Tahyul* Yang Digunakan


Tahyul (tahayul) atau khurafat bermaksud kepercayaan karut yang bercanggah dengan ajaran Islam. Tahyul boleh timbul daripada pelbagai faktor seperti kejahilan, salah fahaman terhadap sains, terlalu percaya pada kuasa ghaib atau ketakutan terhadap anasir yang tidak diketahui. Tahyul sering memaksudkan kepercayaan dan amalan yang berkisarkan nasib, ramalan dan makhluk-makhluk

ghaib tertentu, terutamanya kepercayaan bahawa peristiwa akan datang boleh diramal daripada peristiwa terdahulu yang tidak berkaitan.²⁸

Masyarakat Melayu tradisional adalah seperti masyarakat tradisional yang lain, mempunyai korpus mitosnya yang tersendiri melalui karya penulisan klasik yang meliputi zaman yang agak panjang bermula dari zaman praIslam hingga zaman pascaIslam. Dalam karya perubatan, penggunaan unsur-unsur mantera merupakan salah satu elemen yang amat penting dalam rawatan penyakit tertentu yang kononnya dapat merawat penyakit spiritual. Dalam bidang perubatan Melayu, seringkali dilihat kaedah rawatan yang bertentangan dengan ajaran Islam ataupun *tahyul* diketengahkan seperti wafaq, mentera dan jampi serapah. Selalunya ia dikaitkan dengan sakit spiritual yang pernah tercatat dalam bingkisan sejarah mahupun sekarang.

Dalam manuskrip perubatan MSS 2502 juga tercatat tujuh penyakit yang menggunakan kaedah melukis rajah/raqam, azimat atau tangkal yang dikenali sebagai wafaq. Kaedah ini perlu ditulis atau disuruh pada kertas dan diikatkan pada bahagian badan yang tertentu atau disuruh pada sirih dan diberi makan. Antara pernyataannya seperti berikut:

Sebagailagi azimat kanak2 lari tiada mau malam menyusu susu ikatkan

pada lehernya²⁹ 

²⁸ Vyse & Stuart A. 2000. *Believing in Magic: The Psychology of Superstition*. England: Oxford University Press. h. 19 - 22.

²⁹ n.a. n.d. MSS 2502. (Manuskrip). Perpustakaan Negara Malaysia. 2502:298. h. 57.

badi kanak-kanak, sawan, penyakit gila dan penyakit lain yang dinyatakan. Kitab Tib ini berukuran 49 ff, 28.4 x 17 cm dan setiap tulisan pada setiap halaman sangat teratur dan konsisten dengan hanya 19 baris sahaja. Dakwat yang telah digunakan di dalam kitab ini berwarna hitam. Ada juga yang menggunakan dakwat berwarna merah untuk menandakan sebagai permulaan ayat. Contohnya dakwat berwarna merah pada perkataan “sebagailagi”, “fasal peri pada menyatakan”, “fasal pada menyatakan”, “fadhilat pada menyatakan”, “bermula” dan “sebermula”. Kitab Tib ini menggunakan rubrikasi pada perkataan Bahasa Melayu yang tertentu terutamanya perkataan سباكي لاک . Tulisan penulis kitab Tib ini kemas, konsisten dan mudah dibaca. Kitab Tib ini tidak berjilid, 2 kuras berceraian dan 3 kuras berjahit. Penulis menggunakan kertas laid Eropah berwarna putih kekuningan dan bertompokan kerana kesan terkena air di sebahagian kecil halaman manuskrip serta mempunyai banyak lubang-lubang yang menjejaskan teks di kebanyakan halaman. Terdapat sebahagian besar petua-petua dan azimat-azimat tidak dapat dibaca dan dianalisis dengan jelas dan baik akibat penulisannya hilang dan pudar, dan tulisannya yang agak rumit untuk dibaca. Selain itu, terdapat banyak petua dan azimat tidak dapat dibaca kerana penulis melukis dan mencatat gambar rajah dan pelbagai jenis tangkal yang tidak dapat difahami dengan teliti seperti yang boleh dilihat di halaman 55 dan 56 serta banyak lagi.

2.4 ANALISA SISTEM EJAAN DAN TULISAN JAWI LAMA-JAWI MODEN MANUSKRIP MSS 2502

Jelas diketahui, sastera berbentuk tulisan atau manuskrip Melayu Jawi merupakan sumber terpenting bagi melihat tahap perkembangan tulisan Jawi di alam Melayu. Oleh itu, evolusi perkembangan tulisan Jawi dapat ditentukan berdasarkan zaman yang berbeza. Merujuk kepada teks manuskrip MSS 2502, dikenalpasti

kebanyakannya tidak menggunakan pemvokalan ا, و, ي. Ini berkemungkinan sistem pemvokalan yang menggunakan baris telah digunakan oleh penyusun atau penulis kitab. Hal ini dilihat dapat menimbulkan sedikit kesukaran dalam proses pembacaan serta pemahaman teks tersebut.

2.4.1 Vokal ا

Vokal alif tidak digunakan sama ada di bahagian tengah atau hujung perkataan seperti contoh berikut:

JADUAL 1: Vokal ا

Bil	Perkataan	Ejaan
1	Limau nipis	(ليمو نيڤيس)
2	Dua	(دو)
3	Bahawa	(بهو)
4	Labu labi	(لاباب)
5	Bermula	(برمول)

Sumber : Manuskrip MSS 2502

2.4.2 Vokal و

Begitu juga dengan 33ocal و yang tidak digunakan. Contohnya seperti berikut:

JADUAL 2: Vokal و

Bil	Perkataan	Ejaan
1	Bubuh	(بوبه)
2	Tempurung	(تمقورغ)
3	Sembuh	(سمبه)
4	Tujuh	(توجه)
5	Durian	(درين)

2.4.3 Vokal ي

Vokal ي juga tidak digunakan dalam perkataan seperti berikut:

JADUAL 3: Vokal ي

Bil	Perkataan	Ejaan
1	Hati	(هات)
2	Bumi	(بوم)
3	Seperti	(سفرة)
4	Kulit	(كولة)
5	Kambing	(كمبغ)

Sumber : Manuskrip MSS 2502

Contoh penulisan jawi lama yang telah dialihkan kepada jawi moden adalah seperti berikut:

JADUAL 4: Jawi Lama - Jawi Moden

JAWI LAMA	JAWI MODEN	RUMI
كلغڠغ	كلغڠغ	Gelenggang
قانو	قاناو	Panau
اير	أير	Air
ليمو نيفس	ليماو نيفيس	Limau nipis
بوبه	بوبوه	Bubuh
تيك	تيك	Tiga
مندى	مندي	Mandi
فوته	فوتيه	Putih

لغكوس	لغكواس	Lengkuas
تمقورغ	تمقوروغ	Tempurung
بات	باتوآباتا	Bata/batu
سمبه	سمبوه	Sembuh
كیلغ	كیلغ	Giling
دقیقس	دقیقس	Dipipis
دو	دوا	Dua
كونغ	كونیغ	Kuning
دوفوله	دوا قولوه	Dua puluh
بیج	بیجی	Biji
قیاکة	قیاکیت	Penyakit
کتھوی	کتھوئی	Ketahui
بهو	بھاوا	Bahawa
قرکار	قرکارا	Perkara
کولة	کولیت	Kulit
توجه	توجوه	Tujuh
کتیک	کتیک	Ketiga
کمبغ	کمبغ	Kambing
لبلاب	لابو لابی	Labu labi


Sumber : Manuskrip MSS 2502

2.5 GAYA BAHASA PENULISAN MANUSKRIP MSS 2502

Manuskrip Melayu lama telah mempamerkan gaya bahasa yang menarik serta unik dalam setiap genre-genre penulisan sama ada dalam penulisan ilmu perubatan, keagamaan, hikayat dan sebagainya. Malahan, dengan penggunaa bahasa yang kreatif

yang meliputi aspek pemilihan perbendaharaan kata dan kosa kata lama, penyusunan kata dalam sesuatu ayat dan pengaruh perkataan asing menunjukkan bahawa kesemua aspek ini telah menyerlahkan lagi gaya bahasa itu menjadi lebih indah dan seterusnya mencerminkan nilai intelek dan estetika dalam bangsa Melayu dan bahasa Melayu itu sendiri. Gaya bahasa menurut Za'aba adalah penggunaan bahasa seseorang apabila bercakap dan mengarang. Secara amnya, gaya bahasa merupakan inti yang amat penting untuk mencerminkan kekreatifan penulis dalam penggunaan bahasa. Berdasarkan penelitian, gaya bahasa manuskrip perubatan yang dikhususkan kepada MSS 2502 dapat digolongkan kepada aspek gaya bahasa Melayu klasik. Penggunaan gaya bahasa Melayu klasik tidak asing lagi digunakan dalam kebanyakan teks manuskrip Melayu lama khususnya teks manuskrip perubatan. Ini berkemungkinan kerana proses penyusunan teks-teks ini dilakukan pada masa bahasa-bahasa ini masih hangat digunakan dalam golongan masyarakat lampau terutamanya yang hidup pada abad ke-15 hingga ke-17M. Berdasarkan penelitian terhadap teks manuskrip perubatan Melayu lama MSS 2502 didapati terdapat banyak penggunaan kata pangkal ayat yang menggunakan kata bahasa Melayu klasik.

Gaya bahasa perubatan ini berbeza dengan gaya bahasa genre kesusasteraan Melayu Tradisional yang lain. Terdapat gaya bahasa yang mudah difahami serta sebaliknya. Salah satunya dapat dilihat pada struktur ayat yang digunapakai dalam genre penulisan perubatan yang berbentuk panjang serta meleret-leret. Lantaran itu, proses pemahaman teks mengalami sedikit kesukaran. Misalnya teks yang panjang dan meleret-leret adalah seperti berikut:

Fasal peri pada menyatakan berbuat makjun supaya baik sarir makan dia tatkala itu ada seorang hakim bernama Baharuddin yang di ada nama benuanya maka katanya kepada segala hakim ada pun makjun ini terlalu besar khasiatnya barangsiapa makan makjun ini kadar setahun atau dua tahun ada  khasiatnya pertama ambil cabai berat empat kas dan buah pala satu kas dan bawang besar-besar tiga kas dan kepulak satu kas dan cengkih satu kas dan lada sulah tiga kas dan biji sawi satu kas dan kulit buah kedaki kelang tiga kas dan sunti buah melaka dua lapan kas dan jintan hitam tengah enam kas dan biji ganja dengan bunganya tengah tiga kas dan jemuju dua kas dan lengkuas cina lima kas dan adas manis lima kas akar qurha tiga kas dan kepulak cina tiga kas dan buah kedaki enam kas maka semuanya campurkan maka pudu lumat-lumat setelah sudah maka serasi setelah sudah maka ambil minyak lenga dan air madu itu sama beratnya dengan sekalian pudu itu setelah sudah maka campurkan maka haru/baharu jadikan makjun tatkala makan dia itu belum makan nasi beratnya yang dimakan itu kadar tiga kas padahal.³³

Contoh teks di atas adalah gaya bentuk penulisan yang panjang dan meleret-leret.

2.5.1 Penggunaan Kata Pangkal Ayat

Penggunaan kata pangkal ayat ataupun lebih dikenali dengan penanda wacana atau pembuka bicara merupakan salah satu ciri penting dalam penulisan teks Melayu tradisional. Menurut Nik Safiah Karim kata pangkal ini berfungsi sebagai tanda baca bagi kesinambungan ayat dalam petikan teks Melayu tradisional. Berdasarkan

³³ n.a. n.d. MSS 2502. Op.cit. 2502:171. h. 31 & 32.

penelitian kepada teks manuskrip perubatan Melayu lama MSS 2502, ditemui terdapat penggunaan penanda wacana seperti *sebagailagi*, *fasal peri* pada menyatakan, *fasal* pada menyatakan, *fadhilat* pada menyatakan, *bermula* dan *sebermula*. Perkataan-perkataan ini diibaratkan sebagai pembuka bicara dalam ayat bahasa Melayu klasik. *Sebagailagi* kerap digunakan sebagai permulaan kepada sesuatu penyakit atau rawatan yang baru. Merujuk kepada teks manuskrip perubatan MSS 2502, didapati penggunaan kata pangkal *sebagai lagi* ini dilihat agak bebas penggunaannya kerana ia hanya digunakan di awal ayat sahaja sebagai permulaan antara satu ayat dengan ayat sebelumnya. Contohnya penggunaannya adalah seperti berikut:

Sebagailagi ubat meroyan ambil daun berami maka pipis dengan hujung lemukut mata kunyit maka tampalkan pada perut afiyat olehnya.³⁴

Sebagailagi ubat meroyan ambil hujung atap dan mata kunyit maka pipis airnya cuka masam maka minum afiyat olehnya.³⁵

Sebagailagi ubat meroyan ambil tarak derdap segenggam herat dan cekur segenggam herat di ikat dengan benang pancawarna maka rebus airnya mandikan afiyat olehnya.³⁶

Sesetengah permulaan perkataan menggunakan tulisan berwarna merah seperti *sebagailagi*, *fasal peri* pada menyatakan, *fasal* pada menyatakan, *fadhilat* pada menyatakan, *bermula* dan *sebermula* bagi menandakan permulaan ayat. Ini kerana, penulisan di dalam manuskrip tidak mempunyai tanda baca seperti titik (.) mahupun koma (,). Contohnya adalah seperti dibawah;

³⁴ n.a. n.d. MSS 2502. Op.cit. 2502:223. h. 46.

³⁵ Ibid. 2502:224. h. 46.

³⁶ Ibid. 2502:225. h. 46.

i) Sebagailagi

Sebagailagi ubat panau ambil afiun Misri dan bawang putih asah pada pangkal maka sapukan afiyat olehnya.³⁷


ii) Fasal peri pada menyatakan

Fasal peri pada menyatakan ubat haus/hawas ambil gelugur sebuah maka titik dan bertih dan ketumbar maka bubuh dalam air barangkali dahaga maka berikan diminum mujarab.³⁸

iii) Fasal pada menyatakan

Fasal pada menyatakan ubat demam kepialu ambil daun lakum maka rebus pada periuk maka tangaskan kaki tangan afiyat olehnya.³⁹

iv) Fadhilat pada menyatakan

Fadhilat pada menyatakan ubat demam iaitu berbagai-bagai tetapi yang kami sebutkan empat bagi pertama demam ketika namanya sehari datangnya sehari tiada maka sebab demikian itu kerana bertambah penyakit seperawi akan ubatnya diminum limau  segera pagi-pagi⁴⁰

v) Bermula

Bermula akan selamah biawak itu warnanya hitam berkerat kerat akan ubatnya ambil kulit biawak dan daun sayap layang layang seperti di hawal itu juga ubatnya afiyat olehnya.⁴¹

vi) Sebermula

³⁷ n.a. n.d. MSS 2502. Op.cit. 2502:03. h. 1.

³⁸ Ibid. 2502:158. h. 28.

³⁹ Ibid. 2502:121. h. 22

⁴⁰ Ibid. 2502:100. h. 17.

⁴¹ Ibid. 2502:14. h. 2.

Sebermula jikalau kita menaikkan bisa pun demikian juga jangan tersedarkan tawar kerana yang tawar itu Usman dan yang bisa itu Ali رضي الله عنه.⁴²

2.5.2 Penggunaan Bahasa Arab Dan Ayat Al-Quran

Penggunaan bahasa Arab dalam teks-teks Melayu Tradisional dilihat sebagai satu ciri yang tidak asing lagi digunapakai dan pengaruhnya dalam penulisan manuskrip Melayu. Dalam membicarakan mengenai penggunaan bahasa Arab ini, penulis telah membincangkannya dari dua aspek iaitu dari aspek ungkapannya dan rangkai kata ayat Al-Quran yang digunakan. Berdasarkan penelitian terhadap teks manuskrip MSS 2502 ini, dilihat lapan ungkapan bahasa Arab yang digunakan dalam bentuk ayat al-Quran dalam penulisan karya tersebut, khususnya bahagian dalam mengubati penyakit tertentu. Contoh penggunaan ayat al-Quran dalam teks manuskrip MSS 2502:

1) Bagi Merawat Sakit Selusuh

Sebagailagi selusuh jika lambat budak itu keluar dibacakan pada barang minyak maka minum ini yang disuruh baca pertama selawat dan بسم الله الرحمن الرحيم انا فتحنا لك فتحا مبينا ليغفر لك الله بسم الله الرحمن الرحيم اذا لسماء انشقت واذنت لربها وحقت واذ الارض مدت والقت ما فيها وتحلت.⁴³

Ayat ini digunakan dalam manuskrip MSS 2502 dalam membahaskan merawat penyakit selusuh seperti yang dinyatakan oleh penulis di dalam kalamnya.

⁴² n.a. n.d. MSS 2502. Op.cit. 2502:364. h. 72.

⁴³ Ibid. 2502:243. h. 49 & 50.

2) Penggunaan ayat Al-Quran (Tangkal demam)

Sebagailagi tangkal demam⁴⁴ disurih pada kertas

وننزل⁴⁵ من القرآن ما هو شفاء ومرحمة للمؤمنين ولا يزيد الظالمين الا خسارا
برحمتك يا ارحم الراحمين

Tangkal demam kebanyakannya disurih menggunakan ayat al-Quran daripada surah yang terpilih. Penggunaan tangkal demam adalah bercanggah dengan ajaran Islam kerana tangkal tidak berupaya menyembuhkan penyakit. Pesakit perlulah meyakini ayat al-Quran dengan membacanya bagi ikhtiar penyembuhan, bukan semata-mata memakai tangkal di anggota badan. Selain penggunaan ayat al-Quran, terdapat beberapa penggunaan rangkai kata bahasa Arab yang ditemui dalam teks manuskrip MSS 2502 seperti berikut :

JADUAL 5: Rangkai Kata Bahasa Arab

Bil	Perkataan	Makna
1.	afiyat	Sihat; Baik
2.	insyā Allāh	Dengan izin Allah
3.	salla Allāh ‘alayh wa sallam	Semoga Allah memberkati dan memberi kesejahteraan keatasnya
4.	khoir	Baik

Sumber : Manuskrip MSS 2502

⁴⁴ n.a. n.d. MSS 2502. Op.cit. 2502:150. h. 27.

⁴⁵ Al-Quran. Al-Israk 17:82.

2.5.3 Penggunaan Kata Bahasa Melayu Lama Dan Istilah Sukatan, Timbangan Yang Dicatatkan Berdasarkan Manuskrip

Selain penggunaan penanda wacana dan bahasa Arab terdapat juga penggunaan istilah bahasa Melayu lama dalam teks manuskrip MSS 2502 ini. Penggunaan istilah ini tidak digunakan lagi secara meluas pada masa kini walaupun masih wujud dalam bahasa Melayu. Bahkan, terdapat sesetengah kata arkaik (ungkapan yang sudah tidak lazim dipakai lagi)⁴⁶ ini yang tidak difahami langsung oleh generasi hari ini kerana terdapat perkataan-perkataan baru yang dirasakan sesuai untuk menggantikan kata-kata ini.⁴⁷

Terdapat penggunaan pelbagai istilah Melayu lama yang digunakan dalam penulisan manuskrip MSS 2502. Istilah-istilah tersebut digunakan bagi menyatakan jumlah dan timbangan berat bahan-bahan serta kaedah kegunaannya. Kaedah atau proses pembuatan ubat dan juga cara penggunaannya hampir sama dalam teks-teks manuskrip lain (contoh MS 1653, tetapi kitab tib ini tidak membicarakan perihal demam). Antaranya istilah yang kerap ditemui adalah:

JADUAL 6: Istilah Bagi Timbangan Dan Ukuran Penggunaan Herba Menurut MSS 2502

Bil.	Perkataan	Contoh	Maksud
1.	Pipis	dipipis ⁴⁸	Dilumatkan (dihaluskan). Melumatkan atau menghaluskan (lada, rempah dan lain-lain) dengan batu giling dan lain-lain. ⁴⁹

⁴⁶ Kamus Dewan Edisi Keempat.

⁴⁷ Siti Fairus Kamarudin. 2015. *Manuskrip Undang-Undang Kedah: Kajian Unsur-unsur Etnografi Islam*. (Disertasi Sarjana). Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam (UM). h. 73.

⁴⁸ n.a. n.d. MSS 2502. Op.cit. 2502:07. h. 1.

⁴⁹ Kamus Dewan Edisi Keempat.

2.	Bedakkan	Dibedakkan, bedakkan ⁵⁰	Daun/Tumbuhan yang telah diramas atau digiling (lumur). ⁵¹
3.	Kusap	Kusapkan ⁵²	Daun/Tumbuhan yang telah dicampurkan air atau lain-lain, kusapkan keseluruhan tubuh
4.	Pengapit	Sepengapit ⁵³	Picitan (dengan jari). ⁵⁴
5.	Kupang	Sekupang, ⁵⁵	Sejenis mata wang zaman dahulu yang berbeza-beza nilainya (menurut daerahnya); sekupang bersamaan sepuluh sen. Sejenis ukuran berat emas (sama dengan kira-kira 161 tahlil). ⁵⁶
6.	Emas	Seemas, berat dua emas ⁵⁷	Sukatan atau timbangan bagi lada sulah, biji sawi, cabai dan lain-lain herba berbutir yang kecil. Se mas (satu emas) yang disebut juga se jampal (satu jampal) merupakan sukatan berat bagi emas (bungkal), nilai wang (rial). ⁵⁸

⁵⁰ n.a. n.d. MSS 2502. Op.cit. 2502:06. h. 1.

⁵¹ Harun Mat Piah. 2017. *Kitab Tib Muzium Terengganu: Edisi Dan Huraian Teks*. Selangor: Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia. h. 328.

⁵² n.a. n.d. MSS 2502. Op.cit. 2502:04. h. 1.

⁵³ Ibid. 2502:166. h. 30.

⁵⁴ Kamus Dewan Edisi Keempat.

⁵⁵ n.a. n.d. MSS 2502. Op.cit. 2502:178. h. 35.

⁵⁶ Kamus Dewan Edisi Keempat.

⁵⁷ Ibid. 2502:08. h. 1.

⁵⁸ Wan Norasikin Wan Ismail. Kosa Kata Tradisional Metrologi Melayu. Klik Web Dbp. <http://klikweb.dbp.my/?p=18301>. diakses: 15 April 2022.

7.	Dirham	Berat satu dirham, berat dua dirham, tengah dirham ⁵⁹	Timbangan untuk herba dan lain-lain. Mata wang emas atau perak pada masa dahulu. ⁶⁰
8.	Segenggam herat	Segenggam herat ⁶¹	segenggam bermaksud tangan kanan atau kiri yang digunakan untuk menggenggam sukatan bahan. Kata erat pula bermaksud penuh. Segenggam erat membawa maksud satu genggaman penuh. ⁶²
9.	Dirayas	Dirayas ⁶³	...maka sekalian itu ada racik-racik maka dirayas sudah tiga bahagi dua...
10.	Sepaha	Sepaha	Sesuku ⁶⁴ atau seperempat. Sukatan ini boleh berupa seperempat tahlil ataupun seperempat cupak ⁶⁵ . (...lengkuas sepaha, adas manis sepaha ⁶⁶ ...)
11.	Kulit telur	Kulit telur	... minyak sapi sekulit telur dan air madu sekulit telur... ⁶⁷

⁵⁹ n.a. n.d. MSS 2502. Op.cit. 2502:346. h. 68.

⁶⁰ Kamus Pelajar Edisi Kedua.

⁶¹ n.a. n.d. MSS 2502. Op.cit. 2502:225. h. 46.

⁶² Ab. Razak Ab. Karim. 2016. "Penyakit Golongan Lelaki: Kaedah Rawatan Penyakit Dalam Kalangan Masyarakat Melayu Serumpun". Universitas Andalas: Indonesia. h. 1-17.

⁶³ n.a. n.d. MSS 2502. Op.cit. 2502:157. h. 28.

⁶⁴ Kamus Dewan Edisi Keempat.

⁶⁵ Ab. Razak Ab. Karim. Op.cit. h. 1-17.

⁶⁶ n.a. n.d. MSS 2502. Op.cit. 2502:51. h. 11.

⁶⁷ n.a. n.d. MSS 2502. Op.cit. 2502:191. h. 40.

12.	Jemput	Sejemput	Sejemput sebanyak yang dapat diambil dengan hujung jari. ⁶⁸ (... sejemput akar rembiga... ⁶⁹)
-----	--------	----------	--

Sumber : Manuskrip MSS 2502

Di dalam manuskrip ini terdapat beberapa sukatan yang dinyatakan dan diterangkan oleh penulis antaranya ialah sukatan yang menggunakan kepada kaedah tahlil, dirham, kupang, seemas, segenggam herat. Walau bagaimanapun sukatan tersebut hanya terhad kepada beberapa rawatan penyakit tertentu sahaja.

JADUAL 7: Nilai Timbangan Dahulu Dan Nilai Semasa

UNIT TIMBANGAN LAMA	UNIT TIMBANGAN BARU
1 gantang	2.6 kg (Semenanjung Malaysia) ⁷⁰ 2.7 kg (Sabah dan Sarawak) ⁷¹
1 emas	2.551 gram ⁷²

Sumber : Manuskrip MSS 2502

2.6 KATA ALIHAN (CATCH WORD)

Di dalam manuskrip ini, terdapat sebanyak 37 kata alihan (catch word) di beberapa halaman bahagian bawah sebelah kiri⁷³ yang menunjuk kepada halaman berikutnya. Kata alihan tersebut tidak sekata di setiap muka surat, ia di selang selikan pada muka

⁶⁸ Kamus Dewan Edisi Keempat.

⁶⁹ n.a. n.d. MSS 2502. Op.cit. 2502:28. h. 6.

⁷⁰ Dg. Nooremah et al. 2014. "Sukatan Metrik Gantang Baghdad Dan Kepentingannya Dalam Pembayaran Zakat". *Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2014)*. Kuala Lumpur: n.pb. h. 79.

⁷¹ Dg. Nooremah et al. Op.cit.

⁷² <http://alifgold.blogspot.com/2013/03/ukuran-berat-emas.html>. diakses: 2 Januari 2021.

⁷³ Jajang A. Rohmana. 2018. "Empat Manuskrip AlQuran Di Subang Jawa Barat (Studi Kodikologi Manuskrip Alquran)". *Jurnal Ilmiah Agama Dan Sosial Budaya*. n.pl: n.pb. Vol. 3. No. 1. ISSN 2502-3489. Ogos. h. 7.

surat tertentu sahaja. Antara pengulangan perkataan tersebut telah di catatkan sebagaimana di bawah, dan boleh dirujuk di bahagian lampiran kajian ini:

JADUAL 8: Perkataan Alihan (Catch Word) Berdasarkan Manuskrip MS2505

Bil.	Perkataan alihan	Bil.	Perkataan alihan
1.	Dan daun ⁷⁴	20.	Al-Rahmān ⁷⁵
2.	Bubuh pada bekas ⁷⁶	21.	فَمَحْتَوَىٰ ⁷⁷
3.	Sebagailagi ⁷⁸	22.	Jangan ⁷⁹
4.	Maka dihantarkan ⁸⁰	23.	Pada kertas ⁸¹
5.	Ramas masak ⁸²	24.	Salla Allāh ⁸³
6.	Kusapkan ⁸⁴	25.	صَلَّىٰ ⁸⁵
7.	Sebuku ⁸⁶	26.	Atau ⁸⁷
8.	Jika tajam ⁸⁸	27.	Cekur dan ⁸⁹
9.	Makanan ⁹⁰	28.	Sudah itu ⁹¹
10.	Tiada ⁹²	29.	Itu ⁹³

⁷⁴ n.a. n.d. MSS 2502. Op.cit. h. 2.

⁷⁵ Ibid. h. 46.

⁷⁶ Ibid. h. 4.

⁷⁷ Ibid. h. 48.

⁷⁸ Ibid. h. 6 & 44.

⁷⁹ Ibid. h. 52.

⁸⁰ Ibid. h. 8.

⁸¹ Ibid. h. 54.

⁸² Ibid. h. 10.

⁸³ Ibid. h. 56.

⁸⁴ Ibid. h.12.

⁸⁵ Ibid. h. 58.

⁸⁶ Ibid. h. 14.

⁸⁷ Ibid. h. 60.

⁸⁸ Ibid. h. 16.

⁸⁹ Ibid. h. 62.

⁹⁰ Ibid. h. 18.

⁹¹ Ibid. h. 64.

⁹² Ibid. h. 20.

⁹³ Ibid. h. 66

11.	Mutu barang ⁹⁴	30.	Dijadikan ⁹⁵
12.	Maka pipis akan ⁹⁶	31.	Hijau dalam ⁹⁷
13.	Tuju Kura ⁹⁸	32.	Ta'ālā ⁹⁹
14.	Satu ¹⁰⁰	33.	Dan ¹⁰¹
15.	Disurat pada ¹⁰²	34.	Maka ¹⁰³
16.	Itu dua mas- dua mas ¹⁰⁴	35.	Kertas ¹⁰⁵
17.	منتف اطان ¹⁰⁶	36.	Ya 'Aziz ¹⁰⁷
18.	Anggotanya ¹⁰⁸	37.	Tangkal ¹⁰⁹
19.	کیلا سحلا ¹¹⁰		

Sumber : Manuskrip MSS 2502

2.7 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, bab ini membincangkan konsep dan kandungan MSS 2502 melalui kaedah analisis teks. Bab ini diharapkan dapat dirujuk dan dijadikan bahan kajian bagi pengkaji perubatan tradisional dan ahli-ahli sains perubatan moden yang ingin mengkaji bidang ini dalam konteks ilmu perubatan moden. Bahagian ini penting untuk difahami kerana ianya asas dalam memulakan kaedah transliterasi dan untuk

⁹⁴ n.a. n.d. MSS 2502. Op.cit. h. 22.

⁹⁵ Ibid. h. 68.

⁹⁶ Ibid. h. 24.

⁹⁷ Ibid. h. 70.

⁹⁸ Ibid. h. 26.

⁹⁹ Ibid. h. 72.

¹⁰⁰ Ibid. h.28.

¹⁰¹ Ibid. h. 74.

¹⁰² Ibid. h. 30.

¹⁰³ Ibid. h. 76.

¹⁰⁴ Ibid. h. 32.

¹⁰⁵ Ibid. h. 78.

¹⁰⁶ Ibid. h. 34.

¹⁰⁷ Ibid. h. 80.

¹⁰⁸ Ibid. h. 36.

¹⁰⁹ Ibid. h. 82.

¹¹⁰ Ibid. h. 38.

memahami kandungan sebuah Kitab Tib. Bab seterusnya akan membicarakan mengenai penyakit demam dan variannya berdasarkan manuskrip MSS 2502, mengenali simptom penyakit demam pada pesakit, dan kaedah rawatan moden yang digunakan.

